

PM ingatkan rakyat 'ukur' diri sendiri

KELANG, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat bahawa mereka juga perlu melihat kecacatan diri sendiri di samping bersimpati dan membantu golongan yang cacat anggota.

Perdana Menteri berkata, walaupun di segi lahirnya manusia mempunyai anggota yang sempurna, setiap mereka mempunyai kecacatan iaitu kekurangan dalam beberapa perkara tertentu.

"Setiap manusia ada kekurangannya seperti tidak cantik, suka marah, tidak amanah, tidak berminat menjalankan tugas, dan tidak tekun.

"Bezanya diri kita dengan mereka yang cacat anggota ialah kita mampu mengatasi kecacatan itu sedangkan mereka tidak boleh. Oleh itu, kita harus bersyukur dan berusaha sebagaimana orang cacat berusaha untuk hidup," tegasnya di majlis jamuan teh sempena Minggu Kebajikan Negara di Bengkel Daya di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berpendapat masyarakat tidak seharusnya terlalu memberikan belas kasihan kepada orang cacat, sebaliknya menggalakkan mereka supaya berusaha dengan kebolehan sendiri.

Menurutnya, dengan memupuk sikap yang lebih positif di kalangan orang cacat dengan memberikan mereka pandangan yang lebih luas mengenai kehidupan, dan tidak berdasarkan belas kasihan semata-mata, hidup mereka akan lebih bermakna. Terdahulu itu, Menteri Kebajikan Masyarakat, Datuk Haji Abu Hassan Omar, berkata seramai 305 orang telah mendaftar sebagai pekerja sukarela manakala 1,040 orang cacat telah didaftarkan sehingga 26 November lalu.

Imej

Menurutnya, Minggu Kebajikan Negara pada 14 hingga 20 Oktober lalu telah mencapai kejayaan dengan pelbagai kegiatan seperti pameran, pertunjukan konsert, pertandingan *abilympic*, seminar dan kempen pendaftaran orang cacat.

Selain itu, minggu itu telah mempertingkatkan imej kerja kemasyarakatan, prestasi kakitangan Kementerian serta pekerja sukarela.

Beliau berharap kejayaan itu akan merintis jalan untuk mempergiatkan usaha memperkembangkan perkhidmatan kebajikan masyarakat secara berterusan.